



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UiTM *di hatiku*

MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (Innostre)

ReQaseni Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia

Laporan Kejohanan Bola Tampar UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah 2022

Disediakan oleh
Tracy Adeline Anak Ajol

Satu Kejohanan Bola Tampar Peringkat UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah anjuran Persatuan Bola Tampar UiTM Mukah telah diadakan pada 17 sehingga 23 Januari 2022 bertempat di Gelanggang Bola Tampar UiTM Kampus Mukah. Seramai 8 pasukan yang terdiri daripada pelajar dan staf UiTM Kampus Mukah telah menyertai Kejohanan ini. Kejohanan ini telah berlangsung selama seminggu pada setiap petang bermula 5.30 petang sehingga 7.30 malam. Di akhir kejohanan, kumpulan Arrow Spiker telah dinobatkan sebagai Johan, manakala Naib Johan disandang oleh kumpulan Mawar berduri dan tempat ketiga pula dimenangi oleh kumpulan Ikan Santai. Objektif penganjuran kejohanan ini bertujuan menggalakkan pelajar dan staf UiTM Mukah menjalani aktiviti sihat yang menyumbang kepada kesihatan yang baik bukan sahaja tubuh badan tetapi juga kepada kesihatan mental, sejajar dengan matlamat SDG "Good Health and Well Being". Kesihatan yang baik secara tidak langsung turut menjurus kepada "Good Quality Education". Sedikit sebanyak aktiviti ini dapat meringankan tekanan yang dihadapi oleh pelajar sepanjang menjalani kelas secara online (ODL). Di samping itu, penganjuran kejohanan sukan ini dapat memberikan ruang dan peluang kepada pelajar UiTM Mukah Cawangan Sarawak yang berpotensi dalam sukan Bola Tampar untuk menyerlahkan bakat terpendam dalam sukan tersebut dan seterusnya diharap mampu mewakili UiTM ke peringkat pertandingan yang lebih tinggi pada masa akan datang.

